



PROGRAM BAUCAR RM75

PERLINDUNGAN  
*tenang*  
MAMPU & MUDAH

Pelan Mikro Insurans dan Mikro Takaful Mampu Milik



Perlindungan yang kini lebih bermakna  
demi kesejahteraan *#KeluargaMalaysia*



Persatuan Insurans Hayat Malaysia  
Life Insurance Association of Malaysia

Dengan kerjasama:



MALAYSIAN TAKAFUL  
ASSOCIATION





# Apa itu Perlindungan Tenang?

PROGRAM BAUCAR RM75

PERLINDUNGAN  
*tenang*  
MAMPU & MUDAH

Pelan Mikro Insurans dan Mikro Takaful Mampu Milik

Perlindungan Tenang merupakan inisiatif oleh industri insurans dan takaful yang menyediakan produk insurans dan takaful bagi memenuhi keperluan segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan, terutamanya isirumah (B40) yang dibawah 40%.

Matlamat utama adalah untuk menyediakan perlindungan asas insurans atau takaful terhadap risiko-risiko utama dalam kehidupan kerana ia mampu milik, mudah diakses, mudah difahami dan mudah dituntut.



## Mampu milik

- Premium / Sumbangan dari hanya beberapa ringgit setiap bulan.
- Pelan perbaharui tahunan



## Mudah difahami

- Manfaat serta terma dan syarat produk adalah mudah difahami sendiri oleh pengguna.
- Bayaran sekaligus kepada penama apabila berlaku kematian / kemalangan / kerosakan harta benda



## Mudah untuk dibeli/sertai & proses tuntutan yang mudah

- Dapatkan terus secara dalam talian atau daripada syarikat insurans / pengendali takaful, ejen atau pengedar yang sah.
- Juga boleh didapati di cawangan bank terpilih, syarikat pengendali telefon mudah alih dan pejabat pos.
- Tuntutan yang disertakan dokumen yang lengkap akan dibayar dalam tempoh lima (5) hari bekerja (untuk tuntutan kematian) dan tujuh (7) hari bekerja (untuk tuntutan bukan kematian).



## Mudah akses

Produk dan perkhidmatan disediakan mudah untuk diakses.



## Nilai Yang baik

Premium/Sumbangan yang diperuntukkan memberikan perlindungan yang setara dengan keperluan berserta manfaat maksimum.

# Perlindungan Tenang Voucher Programme (PTV)



PROGRAM BAUCAR RM75

PERLINDUNGAN  
*tenang*  
MAMPU & MUDAH

Affordable Micro Insurance and Micro Takaful Plan



Program Baucar Perlindungan Tenang merupakan inisiatif oleh Kerajaan Malaysia untuk memperluas perlindungan sosial kepada golongan berpendapatan rendah. Program ini telah dilancarkan pada September 2021 dan ditawarkan kepada penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR)/Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) yang layak.

Pada tahun 2021, baucar RM50 telah diperuntukkan kepada penerima BPR/BKM yang layak untuk membeli/menyertai produk Perlindungan Tenang dari syarikat insurans dan pengendali takaful yang berlesen.

Bermula pada 1 Januari 2022, baucar RM75 akan diperuntukkan untuk penerima Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) yang layak untuk membeli/menyertai produk Perlindungan Tenang atau memperbaharui pelan Perlindungan Tenang yang sedia ada.

Mulai 15 Julai 2022, penerima BKM yang layak boleh menebus baucar PTV RM75 dengan hanya membayar minimum RM5 dan menikmati manfaat perlindungan insurans atau takaful yang memberi perlindungan dari segi kewangan sekiranya berlaku kematian, kebakaran atau apa-apa kejadian yang tidak diingini.

# Bagaimana anda boleh menyemak kelayakan dan menebus PTV?



PROGRAM BAUCAR RM75

PERLINDUNGAN  
*Tenang*  
MAMPU & MUDAH

Pelan Mikro Insurans dan Mikro Takaful Mampu Milik

## Semakan Kelayakan

### Semakan dari pegawai "frontdesk"

Kunjungi ke cawangan/wakil/ejen/  
pengedar syarikat insurans/pengendali  
takaful yang sah.

Layak

Tidak Layak

Tamat

### Semakan sendiri

di [www.myptv.my](http://www.myptv.my)

Layak

Tidak Layak

Layari  
[www.mycoverage.my](http://www.mycoverage.my)

Tamat

## Beli produk Perlindungan Tenang (PT) dan Menebus Baucar

Produk yang ditawarkan  
di kaunter

Bayar minimum RM5 ke syarikat insurans /Pengendali  
Takaful anda untuk menebus baucar

Beli produk PT dan tebus baucar di kaunter

Produk yang ditawarkan  
secara dalam talian

Bayar minimum RM5 ke syarikat insurans /Pengendali  
Takaful anda untuk menebus baucar

Beli produk PT dan tebus baucar di laman web  
syarikat-syarikat insurans/pengendali takaful,  
ejen atau pengedar yang sah.

Mulai **15 Julai 2022**, penerima BKM yang layak boleh menebus baucar PTV RM75 dengan hanya membayar minimum RM5 dan menikmati manfaat perlindungan insurans atau takaful yang memberi perlindungan dari segi kewangan sekiranya berlaku kematian, kebakaran atau apa-apa kejadian yang tidak diingini.

Sumbangan/Caruman RM5 ini adalah sebahagian daripada premium insurans/sumbangan takaful anda untuk pelan Perlindungan Tenang.

# Apa terma dan syarat untuk Program Baucar Perlindungan Tenang (PTV)?



PROGRAM BAUCAR RM75

PERLINDUNGAN  
*tenang*  
MAMPU & MUDAH

Pelan Mikro Insurans dan Mikro Takaful Mampu Milik



- Penerima BKM 2022 yang layak dari kategori isi rumah, bujang dan warga emas .

RM 5

- Penerima BKM yang layak perlu membayar minimum RM5 untuk menebus bacar PTV RM75 kepada syarikat insurans /pengendali Takaful. RM5 adalah sebahagian daripada sumbangan premium/takaful insuran anda untuk pelan perlindungan Perlindungan Tenang.

RM 75

- Penerima hanya dibenarkan membeli satu produk Perlindungan Tenang. Jika premium produk kurang daripada RM75, tiada baki akan dikembalikan. Sekiranya premium produk melebihi RM75, penerima perlu menambah nilai perbezaan tersebut.



- Jika anda telah menuntut PTV RM50 pada tahun 2021, anda masih layak untuk menuntut PTV RM75 pada tahun 2022.

RM 75

- Setiap penerima BKM layak untuk satu bacar bernilai RM75. Bacar hanya boleh digunakan oleh penerima BPR yang layak dan tidak boleh dipindah milik.

# Soalan-Soalan Lazim

Program Baucar Perlindungan Tenang (PTV) 2022



Pelan Mikro Insurans dan Mikro Takaful Mampu Milik

Bermula dari 15 Julai 2022, dengan hanya minimum RM5, anda boleh menebus Baucar Perlindungan Tenang RM75 untuk menikmati faedah pelan perlindungan Perlindungan Tenang. RM5 adalah sebahagian daripada sumbangan premium/takaful insurans anda untuk pelan perlindungan Perlindungan Tenang.

## Tentang Pembayaran minimum RM5 untuk program PTV RM75

### 1. Apakah itu pembayaran minimum RM5 untuk menebus baucar PTV RM75?

Pembayaran RM 5 adalah bayaran mandatori untuk penebusan Baucar Perlindungan Tenang RM75 yang berkuat kuasa pada 15 Julai 2022.

### 2. Adakah saya perlu membayar minimum RM5 jika sumbangan/premium kurang dari RM75?

Ya, RM5 adalah bayaran mandatori untuk menebus baucar PTV RM75.

### 3. Mengapa saya perlu membayar minimum RM5 untuk baucar PTV saya?

Keperluan ini adalah untuk memastikan penerima BKM mengetahui sepenuhnya tentang pelan insurans/takaful yang telah mereka beli/sertai. RM5 adalah sebahagian daripada bayaran premium/caruman. Berikut adalah beberapa contoh:

| Senario | Premium/Sumbangan (RM) | Jumlah (Bayaran oleh penerima BKM) Min RM5 premium/sumbangan | Jumlah (Bayaran menggunakan baucar PTV) Max RM75 premium/sumbangan |
|---------|------------------------|--|--|
| 1       | 50                     | 5  | 45   |
| 2       | 75                     | 5  | 70   |
| 3       | 80                     | 5  | 75   |
| 4       | 100                    | 25   | 75   |

### 4. Saya telah membeli/menyertai produk Perlindungan Tenang menggunakan baucar RM50 pada tahun 2021, adakah saya perlu membayar minimum RM5 untuk memperbaharui atau membeli/memperbaharui produk Perlindungan Tenang untuk tahun 2022 dengan menggunakan baucar RM75?

Ya, minimum RM5 adalah bayaran mandatori untuk menebus baucar PTV RM75 bermula pada 15 Julai 2022.

### 5. Bolehkah saya membayar minimum RM5 secara tunai?

Ya, minimum RM5 boleh dibayar secara tunai. Sila dapatkan resit rasmi dari syarikat insurans/pengendali Takaful.

### 6. Bilakah saya perlu membayar minimum RM5 ini?

Anda perlu membayar minimum RM5 apabila anda menebus /menyertai Program Baucar RM75 Perlindungan Tenang berkuat kuasa 15 Julai 2022.

### 7. Apakah yang akan berlaku jika saya memilih untuk tidak membayar RM5 ?

Anda tidak akan layak menyertai Program PTV jika anda memilih untuk tidak membayar minimum RM5.

### 8. Jika saya enggan membayar RM5, bolehkah saya menyertai/membeli produk PTV?

Tidak. Anda dikehendaki membayar minimum RM5 untuk menyertai/membeli produk PTV di bawah Program PTV

### 9. Apakah itu Program Baucar Perlindungan Tenang?

Program Baucar Perlindungan Tenang merupakan inisiatif oleh Kerajaan Malaysia untuk memperluas perlindungan sosial kepada golongan berpendapatan rendah. Program ini telah dilancarkan pada September 2021 dan ditawarkan kepada penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) yang layak. Pada tahun 2021, baucar RM50 telah diperuntukkan kepada penerima BPR yang layak untuk membeli/menyertai produk Perlindungan Tenang dari syarikat insurans dan pengendali takaful yang berlesen.

Bermula pada 1 Januari 2022, baucar RM75 akan diperuntukkan untuk penerima Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) yang layak untuk membeli/menyertai produk Perlindungan Tenang atau memperbaharui pelan Perlindungan Tenang yang sedia ada. Penerima BKM yang layak juga dibenarkan untuk menebus baucar RM75 untuk pembelian insurans/takaful motor komprehensif untuk motosikal 150cc dan ke bawah dibawah Fasa 2 Program PTV RM75 ini. Butiran lanjut untuk pelaksanaan Fasa 2 akan diumumkan kelak.

### 10. Siapakah yang layak mendapat program baucar RM75 ini?

• Program ini terbuka kepada penerima BKM yang layak untuk kategori isi rumah, bujang dan warga emas.

# Soalan-Soalan Lazim

Program Baucar Perlindungan Tenang (PTV) 2022



PROGRAM BAUCAR RM75

PERLINDUNGAN  
*tenang*  
MAMPU & MUDAH

## 11. Bagaimanakah cara untuk saya menyemak kelayakan untuk Baucar Perlindungan Tenang (PTV)?

**Untuk menyemak kelayakan, sila ikuti langkah-langkah seperti di bawah:**

Langkah 1: Layari [www.mypvtv.my](http://www.mypvtv.my)

Langkah 2: Masukkan maklumat Nombor Kad Pengenalan (NRIC) anda dan tandakan tik (/) di "YA, SAYA TELAH MEMBACA DAN MEMAHAMI NOTIS PRIVASI" dan "Saya bukan robot";

Langkah 3: Klik butang "Cari". Jika anda layak untuk program ini, anda akan menerima nombor baucar dalam mesej seterusnya.

Sebagai alternatif, anda juga boleh mengunjungi mana-mana cawangan atau ejen/pengedar syarikat insurans / pengendali takaful yang sah yang menawarkan produk Perlindungan Tenang untuk menyemak kelayakan anda.

## 12. Bagaimanakah untuk menebus Baucar semasa membeli produk Perlindungan Tenang?

Terdapat dua kaedah untuk menebus Baucar semasa membeli produk anda:

### Kaedah 1 - Penebusan baucar untuk pembelian produk atas talian:

Langkah 1: Layari [www.mycoverage.my](http://www.mycoverage.my)

Langkah 2: Skrol ke bawah untuk melihat seksyen "Produk Perlindungan Tenang". Klik ikon logo syarikat/produk Perlindungan Tenang untuk mendapatkan maklumat asas mengenai produk tersebut. Sila semak kriteria produk masing-masing seperti had umur dan jumlah premium/sumbangan sebelum memutuskan produk yang paling sesuai dengan keperluan anda.

Langkah 3: Tekan butang "KETAHUI LEBIH LANJUT" dan anda akan dibawa ke laman web syarikat insurans atau pengendali takaful yang menawarkan produk Perlindungan Tenang tersebut.

Langkah 4: Anda akan dibantu untuk melalui proses yang mudah untuk menyertai/membeli produk tersebut. Anda perlu mengisi maklumat yang diperlukan seperti nama, nombor Kad Pengenalan (NRIC), umur, jantina dan lain-lain untuk melengkapkan proses pembelian. Anda mungkin juga perlu memasukkan nombor Baucar Perlindungan Tenang unik anda untuk menuntut baucar tersebut semasa pembelian produk. Anda dinasihatkan untuk membaca terma dan syarat produk tersebut sebelum membuat pembelian.

### Kaedah 2 - Penebusan dan pembelian di kaunter:

Anda juga boleh menebus baucar dan menyertai/membeli produk Perlindungan Tenang secara langsung dari kaunter pejabat cawangan atau ejen/pengedar sah syarikat insurans/pengendali takaful.

Teliti dan fahami maklumat asas serta manfaat produk, termasuk menyemak kriteria produk seperti had umur dan jumlah premium/sumbangan sebelum memutuskan produk yang paling sesuai dengan keperluan anda. Anda akan dibantu sekiranya mempunyai sebarang persoalan mengenai produk Perlindungan Tenang tersebut.

Sekiranya anda ingin meneruskan pembelian, anda akan diminta untuk mengisi maklumat yang diperlukan untuk melengkapkan proses pembelian.

Sila ambil perhatian, proses ini mungkin berbeza mengikut syarikat insurans dan pengendali takaful masing-masing. Anda dinasihatkan untuk menghubungi wakil perkhidmatan pelanggan syarikat insurans dan pengendali takaful masing-masing untuk mendapatkan maklumat lanjut.

## 13. Bilakah tarikh Program Baucar Perlindungan Tenang ini berkuatkuasa?

Program Baucar Perlindungan Tenang ini berkuatkuasa pada **1 Januari 2022** sehingga **31 Disember 2022**.

## 14. Saya telah menebus baucar PTV RM50 pada tahun 2021, bolehkan saya menuntut baucar PTV RM75 pada tahun 2022?

Anda layak untuk menuntut baucar PTV RM75 pada tahun 2022, walaupun telah menuntut PTV RM50 pada tahun 2021.

# Soalan-Soalan Lazim

Program Baucar Perlindungan Tenang (PTV) 2022



PROGRAM BAUCAR RM75

PERLINDUNGAN  
*tenang*  
MAMPU & MUDAH

**15. Jika saya mempunyai sebarang masalah penyemakan kelayakan atau mempunyai apa-apa persoalan mengenai Program Baucar Perlindungan Tenang, siapakah yang patut saya hubungi?**

Anda boleh menghubungi pusat panggilan Program Baucar Perlindungan Tenang di talian 03-77239333 atau layari [www.myptv.my](http://www.myptv.my) atau [www.mycoverage.my](http://www.mycoverage.my)

**16. Insurans dan pengendali Takaful manakah yang saya boleh membuat tuntutan untuk inisiatif ini?**

Senarai syarikat Insurans dan pengendali Takaful yang terlibat di dalam program ini boleh di dapati di: [https://www.mycoverage.my/perlindungan\\_tenang/](https://www.mycoverage.my/perlindungan_tenang/). Untuk maklumat lebih lanjut mengenai syarikat, sila ke laman "Hubungi Kami".

**17. Bolehkah saya menggunakan Baucar RM75 untuk memperbaharui polisi / sijil telah dibeli/disertai pada tahun 2021?**

Ya, Baucar RM75 ini boleh digunakan untuk memperbaharui polisi/sijil yang dibeli/disertai pada tahun 2021.

**18. Saya adalah penerima BKM yang layak di bawah Program Baucar Perlindungan Tenang tetapi umur saya melebihi 65 tahun. Adakah saya layak untuk membeli produk Perlindungan Tenang yang ditawarkan oleh syarikat Insurans dan Pengendali Takaful?**

Penerima BKM yang layak masih tertakluk kepada kriteria pengunderaitan syarikat insurans dan pengendali takaful, seperti had umur yang bergantung kepada polisi hayat atau takaful keluarga tersebut. Walau bagaimanapun, polisi/sijil tertentu seperti polisi/sijil kebakaran untuk melindungi bangunan dan/atau isi rumah secara amnya tidak mempunyai had umur. Sila kunjungi laman web [https://www.mycoverage.my/perlindungan\\_tenang/](https://www.mycoverage.my/perlindungan_tenang/) untuk maklumat lebih lanjut.

**19. Berapa banyak Baucar yang akan saya terima?**

Setiap penerima BKM yang layak hanya akan menerima satu baucar bernilai RM75. Baucar ini hanya boleh digunakan oleh penerima BKM yang layak dan tidak boleh dipindahmilik.

**20. Saya telah membeli polisi/sijil insurans/takaful Perlindungan Tenang menggunakan Baucar, tetapi polisi/sijil tersebut tidak lagi bersesuaian dengan keperluan saya. Bolehkah saya membatalkan polisi/sijil tersebut dan menggunakan semula Baucar saya?**

Untuk produk dengan tempoh "free-look" 15 hari:

Pemegang polisi/takaful dibenarkan untuk membatalkan polisi/sijil insurans/takaful dalam tempoh 15 hari daripada Tarikh penerimaan polisi/sijil sekiranya beliau mendapati polisi/sijil tersebut tidak bersesuaian dengan keperluan insurans/takaful beliau.

Penerima masih layak untuk mengguna semula Baucar sebelum 31 Disember 2022 untuk membeli produk Perlindungan Tenang yang lain jika mereka membatalkan produk Perlindungan Tenang sebelumnya dalam tempoh "free-look".

Penerima tidak dibenarkan mengguna semula baucar untuk membeli polisi yang lain sekiranya pembatalan dibuat selepas tempoh "free look".

Untuk produk tanpa tempoh "free-look":

Penerima tidak dibenarkan mengguna semula baucar jika pembatalan dibuat pada bila-bila masa.

Nota: Anda dinasihatkan untuk tidak membatalkan polisi atau sijil yang anda beli selepas tempoh free-look 15 hari atau untuk produk tanpa tempoh free-look, kerana perlindungan insurans / takaful anda akan luput dan anda tidak akan dibenarkan mengguna semula Baucar Perlindungan Tenang.

**21. Berapa lamakah tempoh menunggu untuk menggunakan semula baucar untuk membeli polisi/sijil baharu jika saya telah membatalkan polisi/sijil Perlindungan Tenang sebelum ini dalam tempoh free-look 15 hari?**

Anda boleh menggunakan semula baucar selepas 3 hari bekerja dari tarikh pembatalan.

**22. Bolehkah saya beli lebih dari satu produk dengan Baucar RM75 Perlindungan Tenang ini?**

Setiap penerima hanya dibenarkan membeli satu produk Perlindungan Tenang. Sekiranya produk yang dibeli berharga kurang daripada RM75, tiada baki akan dipulangkan. Sekiranya produk yang dibeli berharga lebih RM75, penerima perlu membayar lebihan harga tersebut.



# Soalan-Soalan Lazim

Program Baucar Perlindungan Tenang (PTV) 2022



PROGRAM BAUCAR RM75

PERLINDUNGAN  
*tenang*  
MAMPU & MUDAH

## 23. Bolehkah saya beli lebih dari satu produk dengan Baucar RM75 Perlindungan Tenang ini?

Setiap penerima hanya dibenarkan membeli satu produk Perlindungan Tenang. Sekiranya produk yang dibeli berharga kurang daripada RM75, tiada baki akan dipulangkan. Sekiranya produk yang dibeli berharga lebih RM75, penerima perlu membayar lebihan harga tersebut.

## 24. Bolehkah saya menukar Baucar kepada tunai dan adakah terdapat tarikh luput untuk menggunakan Baucar tersebut?

Tidak, Baucar ini tidak boleh dipulangkan atau ditukarkan kepada wang tunai secara sebahagian atau penuh. Baucar RM75 PTV perlu digunakan dalam masa Program Baucar Perlindungan Tenang bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022.

## 25. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai Program Baucar Perlindungan Tenang?

Anda boleh layari Portal PTV di [www.mypvtv.my](http://www.mypvtv.my) untuk maklumat lanjut mengenai PTV dan [https://www.mycoverage.my/perlindungan\\_tenang/](https://www.mycoverage.my/perlindungan_tenang/) untuk mengetahui lebih lanjut tentang produk-produk Perlindungan Tenang.

## 26. Saya layak menerima Baucar Perlindungan Tenang dan telah menerima kod Baucar saya. Sekiranya saya memilih untuk tidak menggunakan Baucar, apa akan berlaku kepada baucar tersebut?

Baucar RM75 akan terbatal secara automatik jika anda tidak menggunakannya dalam tempoh program baucar (1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022). Anda dinasihatkan untuk menebus Baucar tersebut secepat mungkin setelah menyemak dan memahami produk yang ingin dibeli.

## 27. Adakah saya perlu menambah pembayaran sekiranya premium / sumbangan berharga lebih dari RM75?

Ya, anda perlu membayar baki selebihnya sekiranya premium / sumbangan berharga lebih dari RM75 nilai baucar. Sebagai contoh, dengan menggunakan baucar RM75 tersebut, anda hanya perlu membayar RM20 untuk membeli produk dengan premium/sumbangan tahunan RM95.

## Produk Perlindungan Tenang

### 28. Apa itu Perlindungan Tenang?

Perlindungan Tenang adalah sebuah inisiatif oleh industri insurans dan takaful yang menyediakan produk insurans dan takaful bagi memenuhi keperluan segmen yang masih tidak dilindungi, terutamanya golongan bawah 40% penduduk atau B40. Matlamat utama ialah menyediakan perlindungan insurans dan takaful dari sebarang risiko di dalam kehidupan, Perlindungan Tenang merangkumi produk-produk yang memenuhi kriteria iaitu Mampu Milik, Mudah Diakses, Mudah Difahami dan Proses Tuntutan yang Mudah.

### 29. Apakah Produk-Produk Perlindungan Tenang?

Produk-produk Perlindungan Tenang menyediakan perlindungan asas insurans atau takaful. Ia adalah jaringan keselamatan untuk anda dan orang tersayang mendapat perlindungan dari segi kewangan sekiranya berlaku kematian, kebakaran atau kejadian yang tidak diingini. Sila layari [https://www.mycoverage.my/perlindungan\\_tenang/](https://www.mycoverage.my/perlindungan_tenang/) untuk melihat produk-produk yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat insurans dan pengendali takaful.

### 30. Bagaimanakah untuk membezakan produk Perlindungan Tenang dengan produk-produk insurans/takaful yang lain?

Anda boleh melihat logo Perlindungan Tenang seperti di bawah untuk mengenal pasti produk yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat insurans / Pengendali Takaful.

### 31. Adakah produk Perlindungan Tenang menawarkan perlindungan kesihatan berkaitan COVID-19?

Sila rujuk dengan syarikat insurans/pengendali takaful masing-masing untuk maklumat lanjut mengenai faedah dan perlindungan produk.